

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
12 OKTOBER 2020**

PERKARA : 4(B)(XX)1

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI ACHEH
YB. ZULKIFLI BIN IBRAHIM**

1. Berapakah jumlah Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) yang dibina secara haram mengikut pecahan lima daerah di atas tanah kerajaan sejak tahun 2015 sehingga sekarang?

**YB. CHONG ENG
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

1. Berdasarkan rekod Pejabat Daerah dan Tanah, terdapat sejumlah 69 Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) yang dibina secara haram di atas tanah kerajaan berdasarkan aduan yang diterima dengan perincian mengikut daerah adalah seperti berikut:

DAERAH	BILANGAN RIBI
Timut Laut	20
Barat Daya	6
Seberang Perai Utara	11
Seberang Perai Tengah	27
Seberang Perai Selatan	5
JUMLAH	69

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
12 OKTOBER 2020**

PERKARA : 4(B)(XX)2

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI ACHEH
YB. ZULKIFLI BIN IBRAHIM**

2. Apakah kaedah penyelesaian yang dibuat oleh Perbadanan Bekalan Air (PBA) pada kediaman yang dibina bersempadan negeri yang menghadapi masalah untuk mendapatkan sumber air bersih seperti di Kampung Sungai Kechil, Nibong Tebal?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

2. Bekalan air akan diagihkan oleh Perbadanan Bekalan Air Negeri Pulau Pinang Sdn Bhd sekiranya kediaman tersebut beralamat dan berada di dalam kawasan Negeri Pulau Pinang.

Keterangan lanjut bolehlah diperolehi di Kaunter Khidmat Pelanggan PBAPP sekiranya konsumen menghadapi masalah untuk mengesahkan kawasan yang terlibat.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
12 OKTOBER 2020**

PERKARA : 4(B)(XX)3

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI ACHEH
YB.ZULKIFLI BIN IBRAHIM**

3. Sila nyatakan bilangan logi dan kilang pemprosesan sarang burung walit yang telah didaftarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang.
 - (a) Sila kemukakan senarai penuh nama, alamat, nombor telefon, nombor ID dan nama syarikat tersebut.

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

3. Sebanyak 19 buah premis pemprosesan sarang burung walit yang aktif dan berdaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang.

Senarai terperinci premis pemprosesan sarang burung walit yang aktif dan berdaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Pulau Pinang adalah seperti di **LAMPIRAN A**.

SOALAN ID 394

**SENARAI PREMIS PEMROSESAN SARANG BURUNG WALIT
NEGERI PULAU PINANG**

BIL	ID PREMIS	NAMA SYARIKAT	ALAMAT	NO TELEFON
1	72A001	Speedliner Sdn. Bhd.	11 A, Lorong Damai, Taman Khang Har Tong, Jelutong	016-4128777
2	72A002	Fuchiphagus Agritech Sdn. Bhd.	54 & 56 Jalan Perai Utama 1, Taman Perai Utama Perai	012-4259851
3	72A003	Health Domain Sdn. Bhd.	40, Jalan Betek Manis, Taman Betek Manis,	04-5383800
4	72A006	Kelly Birdnests Sdn. Bhd.	No: 6, Lorong Jelawat 2, Kawasan Perusahaan Seberang Jaya	010-5610290
5	72A007	Money Well Food Industries Sdn. Bhd.	No. 11, Lorong Desa Juru 9, Taman Desa Juru, Bukit Mertajam	016-4558555
6	72F001	Money well Food Industries (M) Sdn. Bhd.	15, Tingkat Sentosa 2, Taman Bukit Ria	016-4558555
7	72F003	Health Domain Sdn. Bhd.	No 36,38&40, Jalan Betik Manis, Taman Betik Manis	04-5383800
8	71A001	Glitter Summer Sdn. Bhd.	23, Lorong Mesra Permai 8, Taman Mesra Permai	010-5610290
9	71A002	En Yen Bird Nest	Jalan Cantik, Pangsapuri Cantik	014-3636888
10	71A003	Hai Zhi Yan Global (M) Sdn Bhd	5, Jalan Kampung Bagan Ajam	016-2967559
11	71F002	Hai Zhi Yan Global (M) Sdn Bhd	5, Jalan Zamrud Bagan Ajam	016-2967559
12	73A001	Minsen Enterprise	104, Jalan Permatang Tok Mahat, Taman Fajar, Nibong Tebal	012-4273898
13	73A002	Walet Canggih Sdn. Bhd.	83, Lorong Tambun Indah 11, Taman Tambun Indah	012-4773071
14	74A001	Nibong Niaga	27, Lebuhr Orchardia 1	012-4751669
15	74F001	Sarang Jaya Sdn. Bhd.	27, Lebuhr Orchardia 1	012-4751669
16	T74A000	Yan youngler Enterprise	29, Hilir Sungai Burung	013-4594090
17	75A001	Plus Century Enterprise	1-3-1, Ivory Plaza, Halaman Bukit Gambir	012-4099800
18	75A002	LCS Birdnest Sdn. Bhd.	No 9 Denai Pinang 26, Seri Tanjung Pinang	012-4337448
19	75A004	KZ Kazillion Sdn. Bhd.	383-E 2nd Floor, Jalan Perak, 11600 Jelutong	017-4788890

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
12 OKTOBER 2020**

PERKARA : 4(B)(XX)4

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI ACHEH
YB.ZULKIFLI BIN IBRAHIM**

4. Apakah bantuan dan skim rangsangan yang telah dilaksanakan untuk membantu pengusaha industri pemrosesan dan tambah nilai sarang burung walet di Pulau Pinang semasa penularan wabak COVID-19 memandangkan pemasaran utama produk sarang burung walit adalah tertumpu kepada pelancong asing yang datang ke negeri ini?

**YB. DR. HAJAH NORLELA BINTI ARIFFIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

4. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) dalam memastikan industri Sarang Burung Walet (SBW) kekal berdaya saing semasa dan pasca penularan wabak COVID-19 menumpukan pemberian bantuan bagi meningkatkan pengeluaran SBW di peringkat premis perumahan / ladang.

Antara bantuan yang disalurkan oleh pihak JPV kepada pengusaha premis SBW adalah berbentuk insentif bahan dan peralatan secara one-off untuk meningkatkan kualiti pengeluaran serta bantuan pengurusan premis SBW. JPV juga masih meneruskan program bantuan naiktaraf infrastruktur premis/peralatan premis yang telah mula dilaksanakan sejak tahun 2018 kepada premis pengusaha SBW Bumiputera yang bermasalah bagi meningkatkan daya saing serta pengeluaran SBW.

Pihak JPV sentiasa menyokong aktiviti pengusaha industri pemprosesan SBW melalui pelaksanaan aktiviti-aktiviti tambah nilai. Selain itu, JPV juga melaksanakan perolehan bekalan sarang burung mentah (*raw clean*) ataupun produk berasaskan SBW secara berkala dari premis SBW yang didaftarkan dan beroperasi di Negeri Pulau Pinang bagi tujuan promosi.

Di bawah peruntukan pembangunan (P.17) Negeri Pulau Pinang, pihak jabatan menumpukan bantuan bagi meningkatkan pengeluaran SBW di peringkat premis perumahan / ladang. Antara bantuan yang disalurkan oleh pihak jabatan kepada pengusaha premis perumahan dalam bentuk insentif bahan / peralatan secara *one-off* untuk meningkatkan kualiti SBW dan membantu pengurusan premis mereka. Bantuan naiktaraf infrastruktur premis / peralatan premis juga diberi sejak tahun 2018 dengan menumpukan kepada premis perumahan SBW Bumiputera yang bermasalah bertujuan meningkatkan pengeluaran SBW mereka.

Bagi pengusaha industri pemprosesan dan tambah nilai sarang burung walet, pihak jabatan sentiasa menyokong aktiviti ini dengan melaksanakan perolehan bekalan sarang burung mentah (*raw clean*) ataupun produk berasaskan SBW secara berkala yang dikeluarkan oleh premis yang didaftarkan dan beroperasi di Negeri Pulau Pinang bagi tujuan promosi oleh jabatan kepada pelanggan dan orang awam dalam menyokong perkembangan dan promosi secara langsung kepada industri ini.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
12 OKTOBER 2020**

PERKARA : 4(B)(XX)5

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI ACHEH
YB. ZULKIFLI BIN IBRAHIM**

5. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menaik taraf seluruh sistem perparitan di Kampung Sungai Chenaam memandangkan sering kali berlaku banjir di kawasan tersebut apabila hujan lebat?
 - (a) Jika ya, bilakah jangkaan pelaksanaan tersebut?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

5. Kerajaan Negeri sentiasa prihatin dengan masalah banjir yang dihadapi oleh penduduk di beberapa kawasan di Pulau Pinang termasuk di Kampung Sungai Chenaam. Kejadian banjir yang berlaku adalah banjir kilat berpunca daripada sistem perparitan dalam yang tidak dapat menampung aliran air semasa hujan lebat.
 - (a) Buat masa ini Kerajaan Negeri masih belum mempunyai perancangan untuk menaiktaraf keseluruhan sistem perparitan di Kampung Sungai Chenaam sepanjang 7.4km yang memerlukan kajian terperinci oleh jabatan teknikal.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
12 OKTOBER 2020**

9

PERKARA : 4(B)(XX)6

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI ACHEH
YB.ZULKIFLI BIN IBRAHIM**

6. Apakah perancangan masa depan Pusat Rekreasi Ampang Jajar, Nibong Tebal?
- (a) Jika ada, sila nyatakan perancangan tersebut dan tarikh pelaksanaannya?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

6. (a) Kerajaan Negeri melalui Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) sememangnya mempunyai perancangan untuk membangunkan kawasan rekreasi di sekitar kawasan Seberang Perai sebagai salah satu usaha ke arah menjadikan lokasi tumpuan pengunjung dalam dan luar negeri disamping mempromosikan gaya hidup sihat. Oleh itu, MBSP merancang untuk membentuk Task Force bagi mengkaji potensi eko pelancongan di sepanjang jajaran Sungai Kerian termasuk Taman Rekreasi Ampang Jajar Kerian, Taman Rekreasi Kg Sanglang, Empangan Kerian, Jeti Kelip-Kelip dan kawasan Kelip-Kelip, Tanjung Berembang dan Sungai Udang. Mesyuarat pertama Task Force ini dijangka akan diadakan pada bulan Januari 2021.

Selain daripada itu, MBSP telah melaksanakan kerja-kerja menaiktaraf di Taman Rekreasi Ampang Jajar Kerian, Nibong Tebal pada tahun 2019 dan 2020. Kerja-kerja yang telah dijalankan ialah menaiktaraf tempat letak kereta, membina tandas, menaiktaraf stor dan memasang lampu LED.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
12 OKTOBER 2020**

PERKARA : 4(B)(XX)7

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI ACHEH
YB. ZULKIFLI BIN IBRAHIM**

7. Berapakah jumlah unjam dan tukun yang akan dibuat dan dilepaskan di perairan Pulau Pinang?
- (a) Sila nyatakan pecahan mengikut daerah dan jumlah pada tahun 2021 dan 2022.

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

7. Unjam merupakan satu struktur buatan manusia yang berfungsi sebagai kawasan ikan dan sotong berkumpul. Unjam dibina sebagai perlindungan sementara bagi ikan-ikan dan hidupan laut bersaiz kecil. Unjam dibina menggunakan daun-daun pokok rhu, daun nipah, daun buluh, daun kelapa, atau jurai plastik serta batang buluh. Unjam yang dibina oleh nelayan pantai biasanya berada berhampiran iaitu dalam lingkungan dua batu hingga lima batu sekeliling tukun tiruan yang dilabuh.

Kos permulaan untuk membina tapak unjam agak tinggi iaitu antara RM 15,000.00 hingga RM 20,000.00 manakala kos menambah atau membesarkan unjam ialah RM5,000.00 hingga RM 10,000.00 membabitkan pembelian peralatan dan bahan.

Sebanyak 14 unit tukun tiruan jenis dasar lembut yang bertindak sebagai penghalang pukut tunda dengan ketinggian 4 meter dan berat 17 tan bagi setiap unit tukun sedang dibina dan dijangka akan dilabuhkan pada hujung bulan Oktober 2020 di Perairan Pulau Pinang. Bagi tahun 2020 juga, Jabatan Perikanan Negeri kini sedang membina 60 unit peranti pengumpul ikan iaitu unjam bagi Komuniti Perikanan di pangkalan Bagan Ajam.

- (a) Setakat ini kerajaan negeri tiada data mengikut daerah bagi tahun 2021 dan 2022 memandangkan bilangan tukun yang akan dilabuhkan dan unjam yang akan dibina masih dalam peringkat perancangan. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang telah memohon peruntukan di bawah RMK-12 sebanyak RM400,000.00 setahun bagi perancangan tahun 2021 hingga 2025 di bawah Projek Pengurusan Sumber Perikanan Mampan yang akan digunakan untuk tujuan pelabuhan tukun dan pembinaan untuk bagi pemuliharaan sumber di Negeri Pulau Pinang.

Malah terdapat juga perancangan untuk melaksanakan beberapa siri program melabuhkan tukun tiruan dan pembinaan unjam sebagai program *ecology offset* di bawah pelaksanaan projek *Penang South Reclamation* (PSR) di perairan Daerah Barat Daya. Bilangan tukun yang perlu dilabuhkan dan unjam yang perlu dibina akan ditentukan kelak setelah Kerajaan Negeri melalui jabatan dan agensi berkaitan mengumpul maklumat terperinci.

Pada tahun ini Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang telah menerima peruntukan sebanyak RM300,000.00 untuk tujuan pembinaan tukun tiruan / unjam untuk pemuliharaan sumber perikanan di negeri ini. Sebanyak 14 unit tukun tiruan jenis dasar lembut penghalang pukut tunda (ketinggian 4 meter dan berat 17 tan bagi setiap unit tukun) sedang dibina dan dijangka akan dilabuhkan pada hujung bulan Oktober 2020 nanti. Terdapat sedikit baki peruntukan ini akan digunakan untuk membina peranti pengumpul ikan (unjam) sebanyak 60 unit bagi Komuniti Perikanan di pangkalan Bagan Ajam.

Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang telah membuat permohonan peruntukan di bawah projek Pengurusan Sumber Perikanan Mampan sebanyak RM400,000.00/tahun bagi tujuan pembinaan tukun / unjam untuk pemuliharaan sumber di negeri ini untuk Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12). Peruntukan ini dipohon bagi melabuhkan tukun tiruan di Pulau Kendi, Daerah Barat Daya & Timur Laut buat bagi tahun 2021 hingga 2025.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
12 OKTOBER 2020**

PERKARA : 4(B)(XX)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI ACHEH
YB. ZULKIFLI BIN IBRAHIM**

8. Adakah Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) atau Pejabat Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) mempunyai perancangan untuk menaik taraf astaka makanan di Taman Seri Aceh, Taman Harapan dan Ampang Jajar memandangkan ketiga-tiga astaka tersebut berada dalam keadaan teruk dan berbahaya kepada pelanggan dan peniaga di situ?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

8. Astaka Taman Harapan, Taman Seri Aceh dan Ampang Jajar dibina oleh Pejabat Daerah SPS dengan menggunakan peruntukan kemudahan awam dan infrastruktur MBSP yang disalurkan kepada ADUN kawasan Sungai Aceh pada tahun 2007. Pembinaan ketiga-tiga astaka ini adalah secara *one-off* dan bukan di bawah seliaan Pejabat Daerah SPS mahupun MBSP.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri melalui pihak MBSP dan Pejabat Daerah SPS akan bersama-sama berbincang berkenaan perancangan dan hala tuju berkaitan isu astaka ini. Kerajaan Negeri komited untuk menyelesaikan isu ini untuk kebaikan semua pihak.